

BAHASA MELAYU

Terma dan Syarat 'Kempen i-Lindung You Sentiasa 2025'

1. i-Lindung You Sentiasa 2025 ("Kempen") dianjurkan oleh Etiqa Life Insurance Berhad ("Syarikat") dan akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta:
 - (a) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
 - (b) bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
 - (c) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - (d) bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen;
 - (e) bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
 - (f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan, atau penangguhan Kempen ini.
 - (g) tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Kriteria Kempen:

3. Kempen ini akan bermula pada 8 Oktober 2025 dan berakhir pada 31 Disember 2025 ("Tempoh Kempen").
4. Pelanggan yang memenuhi kriteria kempen yang dinyatakan di bawah akan layak menerima hadiah ("Ganjaran").

Produk Yang Layak	Kriteria Kempen	Ganjaran
Insurans Etiqa Term Plus Insurans Etiqa Critical Care Plus	Pelanggan yang membeli pelan Insurans Etiqa Term Plus ATAU Insurans Etiqa Critical Care Plus	Baucar e-Dagang bernilai RM50 untuk pelanggan yang memenuhi kriteria program i-MULA 50

Kelayakan:

5. "Pelanggan yang Layak" merujuk kepada pelanggan yang mengemukakan permohonan baharu untuk pelan Insurans Etiqa Term Plus atau Etiqa Critical Care Plus dalam tempoh kempen dan permohonan tersebut mesti diluluskan semasa tempoh kempen pada atau sebelum 31 Disember 2025.
6. Pelanggan yang Layak hanya layak mendapat baucar e-Dagang bernilai RM50 dari program i-MULA 50 jika premium tahunan mereka berada dalam lingkungan RM75, tidak melebihi RM600 setahun.
7. Pelanggan yang Layak yang meneruskan untuk membatalkan polisi mereka dalam tempoh tangguh 90 hari tidak lagi layak untuk Ganjaran.
8. Ganjaran yang diberikan tidak bertujuan sebagai variasi kepada terma dan syarat polisi yang dikeluarkan, yang tertakluk pada pemprosesan atau peraturan pengunderaitan Syarikat. Ganjaran Dijamin dan Utama hanya akan dihantar kepada pelanggan 3 bulan selepas tempoh kempen, iaitu pada April 2026.
9. Pelanggan yang Layak tanpa butiran hubungan yang sah seperti "**Alamat**", "**Alamat E-mel**" atau "**Nombor Telefon**" akan dikecualikan secara automatik daripada kelayakan ganjaran.
10. Baucar e-Dagang tidak boleh dikembalikan, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai.

Hadiah:

11. Pemenang adalah bertanggungjawab atas semua cukai yang dikenakan ke atas Ganjaran yang akan diterima (jika berkenaan).
12. Ganjaran hanya akan dihantarkan kepada Pemenang sekali sahaja. Jika Pemenang gagal untuk menerima Ganjaran, tiada sebarang gantian atau pampasan yang akan diberikan, dan permintaan untuk mengambil Ganjaran tidak akan dilayan.
13. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana ganjaran dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis. Semua ganjaran diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

Notis Privasi Etiqa

14. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur selaras dengan Notis Privasi Syarikat yang dapat dilihat di www.etiqa.com.my ("Notis Privasi").
15. Di samping itu, tanpa menjejaskan syarat-syarat di dalam Notis Privasi Etiqa, dan tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur untuk:
 - (a) tujuan-tujuan Kempen ini;
 - (b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Penganjur di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media iklan atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan bagi penggunaan dan/atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan gambar-gambar yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Penganjur yang munasabah yang berkaitan dengan Kempen ini.
16. Etiqa berhak untuk:
 - (a) mengikut budi bicara mutlaknya untuk tidak melayakkan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau yang didapati atau disyaki secara munasabah yang mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan akan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan tindakan menipu dan/atau muslihat dan/atau penipuan yang berkaitan dengan Kempen ini;
 - (b) menarik, membatalkan, menangguhkan, memanjangkan atau menghentikan Kempen lebih awal secara keseluruhan atau secara sebahagian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Penganjur. Penganjur juga berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal dalam tempoh yang dianggap munasabah dan notis tersebut akan diposkan di www.etiqa.com.my atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur dan oleh itu, butiran-butiran yang dipinda tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipinda tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.
17. Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang had, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya. Sebagai tambahan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran kewajibannya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang wajar oleh Penganjur.
18. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.